

## KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

### **SEDANIA sedia mendigitalkan bank koperasi kedua terbesar di Malaysia**

*Anak syarikat Fintech SEDANIA menandatangani MOU dengan Co-opbank Pertama untuk menjadi rakan kongsi perbankan digital*

KUALA LUMPUR (19 SEPTEMBER): SEDANIA Innovator Bhd (“SEDANIA”) hari ini mengumumkan bahawa anak syarikat teknologi kewangannya (Fintech), SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (“MOU”) dengan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (“Co-opbank Pertama”) untuk menjadi rakan kongsi digital dalam mempercepatkan inisiatif digital Co-opbank Pertama.

MOU itu merangkumi SEDANIA As Salam melaksanakan Platform Onboarding Digital untuk perkhidmatan kewangan peribadi Co-opbank Pertama seperti akaun simpanan akaun semasa digital (CASA), serta perkhidmatan pembiayaan dan gadai janji.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam Nisa Ismail mengulas, “MOU ini menandakan pembangunan yang amat penting dalam mencapai matlamat berterusan kami untuk mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia. Ini adalah kerana SEDANIA As Salam telah diamanahkan untuk memulakan proses pendigitalan bagi bank koperasi kedua terbesar negara. Kepakaran dan rekod prestasi kami yang kukuh dalam membangunkan ekosistem perbankan Islam digital yang boleh dipercayai oleh institusi kewangan terkemuka telah memberikan kami keyakinan untuk memulakan transformasi digital Co-opbank Pertama.

“Kami juga berharap untuk melangkaui pembangunan pelan tindakan kami bagi pendigitalan Co-opbank Pertama kerana rangkaian penyelesaian teknologi kewangan Islam patuh Syariah hujung-ke-hujung kami berpotensi untuk memperkasakan semua sudut operasi perbankan mereka. Usaha ini akan dibantu oleh pengalaman luas kami dalam menyediakan penyelesaian teknologi kewangan Islam seperti yang paling khususnya, perkhidmatan Tawarruq untuk pelbagai pelanggan perbankan koperasi yang berbeza. Pengalaman luas ini juga dapat memberikan kami pemahaman yang lebih baik tentang segmen ini secara keseluruhan.

“Selaras dengan misi SEDANIA untuk meningkatkan kehidupan secara lestari, proses pendigitalan kami juga boleh membantu mereka beroperasi lebih lestari kerana mereka akan kurang bergantung pada sumber fizikal yang meningkatkan jejak karbon.

“Selain itu, infrastruktur perbankan digital juga dapat memacu rangkuman kewangan yang lebih baik untuk aktiviti perbankan kerana aktiviti perbankan akan seterusnya menjadi lebih mudah untuk diakses bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan ini.”

Sehingga kini, SEDANIA As Salam telah berjaya memperkasakan lebih 80 pelanggan institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian teknologi kewangan termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang telah dipatenkan, dan yang membolehkan keupayaan Melalui Pemprosesan Lurus (Straight Through Processing) yang lancar untuk Produk Runcit Islam. Hasilnya, jumlah pinjaman yang diproses bernilai lebih RM60 bilion.

SEDANIA As Salam berada dalam kedudukan yang baik untuk mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia, didorong oleh usaha dalam membina kerjasama strategik dengan syarikat teknologi antarabangsa, dan juga dengan dua daripada pelanggannya merangkumi sebahagian daripada konsortium-konsortium perbankan digital di Malaysia.

Pengerusi Co-opbank Pertama Datuk Baharom Embi berkata, “Pendigitalan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam persekitaran perniagaan hari ini kerana ianya dapat meningkatkan pengalaman pelanggan dengan menyediakan penyelesaian yang lebih komprehensif dan mesra pelanggan. Ini termasuk penglibatan pemasaran dan jualan yang lebih baik, serta promosi yang lebih menarik untuk pelanggan baharu terutamanya daripada generasi muda, dan pada masa yang sama meningkatkan usaha yang bertujuan untuk mengekalkan pelanggan.

“Bersama dengan SEDANIA As-Salam, kami juga aktif meneroka pelbagai peluang untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan perbankan digital untuk kemudahan pelanggan kami. Pendigitalan adalah salah satu pelan tindakan utama dalam pelan perniagaan strategik jangka panjang bank kami. Oleh itu, kerjasama ini diharapkan dapat menambah nilai dan mengukuhkan jenama Co-opbank Pertama sebagai bank koperasi yang menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan yang inovatif dan mesra pelanggan untuk pasaran tempatan.”

-TAMAT-

## **Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd**

*Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), adalah anak syarikat milik penuh Sedania Innovator Berhad, yang menyediakan teknologi untuk memperkasa institusi kewangan dengan penyelesaian fintech Islam.*

*Secara terasnya, As-Sidq adalah sebuah platform dagangan komoditi digital yang mematuhi Syariah yang memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan institusi kewangan Tawarruq (komoditi murabahah).*

*Bagi melengkapkan ekosistem fintech Islam kami, satu kolaboratif keupayaan perbankan dan kewangan komposit disediakan bagi membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.*

*Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemeraksanaan teknologi.*

## **Mengenai Co-opbank Pertama:**

*Pada asalnya, Co-opbank Pertama merupakan sebuah ff kecil yang berasal dari Kampung Pertama, Permatang Pauh. Co-opbank Pertama kini merupakan bank koperasi kedua terbesar di Malaysia dan bank koperasi pertama di negara ini yang mendapat lesen perbankan.*

*Tumpuan utama perniagaannya merangkumi keahlian koperasi, deposit, pembiayaan runcit dan korporat, serta perkhidmatan berasaskan institusi kewangan. Secara ringkasnya, Co-opbank Pertama menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang patuh Syariah, selaras dengan misinya untuk menjadi bank koperasi patuh Syariah nombor satu di Malaysia.*

*Log masuk ke laman web Syarikat di <https://www.cbp.com.my/> untuk mengetahui lebih lanjut.*

**Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:**

### **Doreenn Leong**

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd  
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620  
Emell: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

### **Muhammad Hizami Aizat**

Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad  
Tel: 03-2693 7650 (Ext 1244) / +6012 5212 625  
Emel: [hizami@cbp.com.my](mailto:hizami@cbp.com.my)